



KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:

PENDAKWARAYA

LAWAN

SENA DIECASTING INDUSTRIES SDN BHD

(NO SYARIKAT : 199601015502 (387852-K))

4 September 2024 – Sena Diecasting Industries Sdn Bhd merupakan premis menjalankan pembuatan barangan rumah daripada logam yang beroperasi di atas Lot 131, Jalan Permata 2, Kawasan Perindustrian Arab Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

2. Pada 30 November 2023 pada jam sekitar 10.20 pagi, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan, terdapat pelepasan efluen Perindustrian di takat pelepasan akhir dari sistem pengolahan efluen Perindustrian milik Sena Diecasting Industries Sdn Bhd. Sebanyak empat (4) contoh rasmi efluen Perindustrian diambil di takat pelepasan akhir dan ditandakan sebagai (A), (B), (C) dan (D) dengan nombor rujukan MKN/SD/1123 dan dihantar ke Jabatan Kimia, Petaling Jaya untuk dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan.

3. Keputusan analisa daripada Makmal Kimia Petaling Jaya, no makmal: **B(AS)02433/23** bertarikh **28 Disember 2023** menunjukkan ianya melebihi had

kepekatan yang ditetapkan dibawah Peraturan 11(1)(a), Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu :

- i. **BOD** pada **20°C** yang mempunyai kepekatan sebanyak **55mg/l** iaitu melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **20mg/l** ; dan
- ii. **Fluorida** berkepekatan sebanyak **4.21 mg/l** iaitu melebihi had kepekatan yang ditetapkan iaitu **2.0mg/l**.

4. Pihak premis telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(a), Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 yang dibaca bersama dibawah Peraturan 32, Peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Peraturan 32, Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

5. Hakim Mahkamah Sesyen 3, Seremban, Yang Arif Tuan Mohamad Kamil Bin Nizam telah mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut dan Syarikat telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 20,000.00.

6. Pihak OKS yang diwakili oleh Md Norasidi Bin Ramli selaku Penolong Pengurus syarikat telah membuat pengakuan bersalah di atas pertuduhan yang dibacakan dan membayar denda seperti yang ditetapkan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Tuan Mohd Syafiq Bin Johari.

7. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Orang awam diseru untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

- i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)
- ii. Call centre 1-800-88-2727
- iii. Emel aduan_k@doe.gov.my

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

5 SEPTEMBER 2024

